

**KAEDAH BERINTERAKSI DENGAN TEKS TURATH MAZHAB SYAFIE: APLIKASI
TERHADAP HUKUM KENAJISAN KHINZIR**

**METHODS OF INTERACTING WITH THE CLASSICAL (TURĀTH) TEXTS OF THE
SHAFI'I SCHOOL OF ISLAMIC JURISPRUDENCE: APPLICATION TO THE IMPURITY
OF PIGS**

ⁱ*Syed Salim Syed Shamsuddin, ⁱⁱMuhammad Farid Wajdi Ab. Rahim, ⁱⁱⁱAbdul Karim Pardon, ^{iv}Mohammad Aizuddin Abdul Aziz

ⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

ⁱⁱCalon Ijazah Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

ⁱⁱⁱCalon Ijazah Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

^{iv}Guru Bahasa (Halaqah), Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

*(Corresponding author) email: syedsalim@usim.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini menjelaskan tertib susunan kedudukan ulama mujtahid, kitab dan terminologi (*mustalahat*) utama dalam mazhab Syafie sebagai antara kaedah utama dalam berinteraksi dengan teks-teks turath mazhab. Mendalami perkara ini sangat penting bagi para penuntut ilmu, pengkaji mazhab, pengamal undang-undang dan mufti bagi memahami sesuatu hukum yang dibincangkan oleh para fuqaha Syafi'iyah dalam karya-karya mereka. Aplikasi kaedah dilakukan terhadap tatacara dan manhaj yang diambil oleh fuqaha Syafi'iyah dalam hukum kenajisan khinzir. Penulisan ini bersifat kualitatif deskriptif melibatkan kajian kepustakaan melalui analisis dokumen terhadap teks-teks turath fiqh Syafie secara khusus serta penulisan para ulama kontemporari yang berkaitan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman secara teliti dan terperinci tentang susunan kedudukan ulama mujtahid, tertib dan peringkat susunan kitab dan maksud *mustalahat* yang digunakan merupakan asas penting ketika berinteraksi dengan teks-teks turath mazhab Syafie agar kefahaman pembaca dan pengkaji selari dengan maksud sebenar pengarang dan pegangan mazhab. Tanpa memahami perkara ini dengan jelas, sesuatu fatwa atau hukum yang dikeluarkan akan menyimpang dari perjalanan mazhab, justeru tidak boleh disandarkan kepada mazhab itu sendiri. Dalam isu kenajisan khinzir, *al-qawl al-mu'tamad* mazhab Syafie ialah khinzir dikategorikan sebagai najis mughallazah sama seperti hukum anjing, wajib dibasuh apa-apa yang bersentuh dengan mana-mana bahagian daripada khinzir sebanyak tujuh kali basuhan air mutlak di antaranya air bercampur tanah. Pandangan Imam al-Nawawi yang mengatakan bahawa khinzir bukan dalam kategori najis mughallazah yang perlu diulang basuhannya bukanlah pegangan muktamad mazhab Syafie dan tidak boleh dinisbahkan kepada mazhab.

Kata Kunci: Mazhab Syafie, turath Islami, terminologi, khinzir.

ABSTRACT

This article explains the order of the position of mujtahids, books and main terminologies (*muṣṭalaḥāt*) in the Shafi'i school of Islamic jurisprudence (*madhhab*) as one of the most important methods in interacting with the classical (*turāth*) texts. This matter is very crucial for students, *madhhab* researchers, legal practitioners and muftis in order to comprehend the laws and rulings discussed by the Shafi'iyah jurists in their works. The application of the method is done on the procedures and approaches taken by the Shafi'iyah jurists regarding the impurity of pigs. This writing is qualitative descriptive involving library research through the analysis of documents on the classical texts of Shafi'i *madhhab* in particular

as well as the writings of relevant contemporary scholars. The results of this study show that the knowledge and understanding in detail about the position of the mujtahids, the order of the books and the meaning of the terminologies used are the important basis while interacting with the classical texts of the Shafi'i madhhab in order to meet the correct meaning and stand of the madhhab. Without understanding this matter clearly, a fatwa or ruling issued will deviate from the course of the madhhab and therefore cannot be attributed to the madhhab itself. In the issue of impurity of pigs, al-qawl al-mu'tamad (officially recognized view) in the Shafi'i madhhab is that pigs are categorized as al-najāsāt al-mughhallazāt (severest form of impurity) just like dogs, hence, it is obligatory to wash anything that comes in contact with any component of pigs seven times using pure water, one of them mixed with soil. The view of Imam al-Nawawi that pigs are not categorised as al-najāsāt al-mughhallazāt which needs to be washed more than once is not the conclusive opinion of Shafi'i madhhab, hence cannot be associated with the madhhab itself.

Keywords: *Shafi'i madhhab, Islamic turath, terminologies, pigs.*

Pendahuluan

Mazhab Syafie telah berkembang pesat di serata dunia melalui tokoh dan pendukung manhaj Imam Abu Abdullah Muhammad bin Idris al-Syafie al-Muttalibi R.A. (w. 204H). Menurut Nu'man Jaghim (2011), mazhab Syafie telah menjadi di antara mazhab utama yang diterima pakai di negara-negara seperti Yaman, Mesir, Syam dan Iraq. Manakala di negara-negara timur Afrika seperti Somalia, Tanzania dan Kenya, dan di Nusantara yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Selatan Thailand dan Selatan Filipina mazhab Syafie telah menjadi mazhab utama dalam urusan fiqh sama ada dalam pengamalan, pendidikan, fatwa dan kehakiman.

Di Alam Melayu, pengislaman penduduk tempatan yang berlaku sekitar abad ke-13 dan 14 Masihi adalah berasal daripada para pendakwah yang datang dari Timur Tengah, secara khususnya daripada ahli keluarga Rasulullah SAW di Hadhramaut, Yaman (al-Attas, 2011). Mereka telah membawa pendekatan dan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah sama ada dari sudut akidah, fiqh dan tasawuf. Dalam pelaksanaan hukum syariah, isi kandungan dan penghuraian hukum-hakam fiqh sama ada yang berkaitan dengan ibadat, munakahat, muamalat mahupun jenayah telah dipengaruhi oleh mazhab Syafie. Hal ini adalah berdasarkan bukti-bukti berikut (Muhammad Ikhlas Rosele et al., 2015; Abdul Halim El-Muhammady, 2012):

1. Islamisasi di Melaka mempunyai perkaitan dengan penyebaran mazhab Syafie. Ini kerana kedatangan pendakwah bernama Sayyid Abdul Aziz ke Melaka yang mempunyai pertalian dan hubungan dengan Syeikh Ismail al-Siddiq (yang telah mengislamkan Pasai). Mereka berdua berasal dari Semenanjung Tanah Arab yang ketika itu merupakan wilayah Islam di bawah pengaruh mazhab Syafie.
2. Hukum Kanun Melaka merupakan tulisan perundangan yang menjadi antara bukti Islamisasi awal di Tanah Melayu. Undang-undang tersebut dilihat berasaskan mazhab Syafie.
3. Kedatangan golongan Sayyid yang bermazhab Syafie ke Pahang (mahupun negeri-negeri lain) yang menjadi bukti penyebaran Islam awal di Tanah Melayu. Kebanyakan Sayyid yang berada di Tanah Melayu datang dari daerah Hadramaut, Yaman.
4. Pedagang dan pendakwah yang datang ke Alam Melayu kebanyakannya dari Parsi, Gujerat dan Malabar, India dan Hadramaut, Yaman yang bermazhab Syafie.
5. Penulisan dan karya fiqh yang dihasilkan oleh ulama tempatan adalah bersumberkan dan berasaskan mazhab Syafie.

Pengaruh dan kedudukan mazhab Syafie ini telah diperkukuhkan melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyebaran hasil karya dan pemikiran, malah ia telah diinstitusikan dalam bentuk rasmi melalui prosedur pengeluaran fatwa di peringkat negeri dan kebangsaan dan enakmen pentadbiran agama negeri-negeri yang mengguna pakai mazhab Syafie secara meluas (Luqman et.al., 2013). Dengan ini, mazhab Syafie telah menjadi dominan dan budaya dalam masyarakat Melayu Islam

Malaysia dan begitu signifikan dalam penetapan hukum dan mencorakkan amalan seharian seseorang Muslim di negara ini dalam setiap aspek kehidupan yang berhubung kait dengan fiqh.

Penting untuk ditekankan bahawa mazhab Syafie merupakan gabungan daripada *aqwal* Imam al-Syafie dan *wujud al-ashab* (pendapat dan fatwa yg telah difatwa oleh ulama al-Syafi'iyah), bukan semua isi kandungan mazhab datang daripada perkataan dan karangan Imam al-Syafie sendiri. Kebelakangan ini sesetengah pihak telah tersalah faham terhadap realiti ini, lalu mereka menyangka bahawa untuk memahami dan beramal dengan mazhab Syafie mestilah merujuk kepada pendapat-pendapat Imam al-Syafie sendiri melalui karangan-karangan beliau terutamanya kitab *al-Umm*, dan bukannya mengambil pendapat dan fatwa ulama al-Syafi'iyah dan merujuk karya-karya mereka. Salah faham ini berpunca daripada kegagalan memahami hakikat mazhab al-Syafie itu sendiri dan susur galur sejarah perkembangan mazhab serta kaedah berinteraksi dengan mazhab.

Sehubungan itu, adalah menjadi perkara pokok dan mustahak untuk memahami secara jelas metodologi pengeluaran fatwa mazhab, *mustalahat* atau terma-terma khusus yang telah disepakati dan digunakan serta tertib susunan ulama mujtahid dan kitab-kitab mazhab yang menjadi *'umda* ketika berinteraksi dengan pandangan serta ijtihad fuqaha mazhab Syafie terutama yang terdapat dalam teks-teks turath mazhab. Perbincangan berhubung kait dengan metodologi berfatwa dalam mazhab Syafie amatlah luas. Hal ini kerana ia mencakupi perbincangan berkaitan *usul al-mazhab* (asas pengeluaran hukum), tatacara berinteraksi dengan kaedah-kaedah tersebut, pandangan ulama mazhab yang saling bertentangan antara satu sama lain, tatacara pemilihan pandangan muktamad (*al-qaul al-mu'tamad*) dan sebagainya. Namun, fokus artikel ini ialah untuk mengemukakan tertib susunan tingkatan ulama, susunan kitab dan *mustalahat* utama mazhab sebagai kaedah penting dalam berinteraksi dengan karya-karya turath mazhab Syafie. Perbincangan ditumpukan secara khusus kepada memahami polemik yang berlaku berkenaan isu hukum kenajisan khinzir. Perkara ini sangat penting bagi menjamin kesahihan ilmu dan kefahaman yang bertepatan dengan usul mazhab Syafie dan pemilihan pandangan muktamad berhubung isu ini.

Peringkat Perkembangan Mazhab Syafie

Dalam memahami manhaj dan usul mazhab Syafie serta pembentukan *al-qawl al-mu'tamad*, perlu diketahui garis masa kehidupan Imam al-Syafie sendiri dan mengenali *Ashab al-Syafie* serta garis masa perkembangan mazhab. Imam al-Syafie telah berguru dengan ramai ulama di zamannya ketika di Mekah, Madinah, Yaman dan Iraq. Oleh itu, Imam al-Syafie telah membina fiqhnya daripada pelbagai aliran dan pendekatan. Menurut Prof. Dr. Muhammad Ibrahim al-Hafnawi (2017) kesungguhan dan usaha Imam al-Syafie untuk membina pendapat dan ijtihadnya boleh dibahagikan kepada tiga peringkat: peringkat ketika beliau di Mekah, peringkat ketika beliau di Baghdad ketika kedatangan kali kedua dan peringkat ketika beliau berada di Mesir. Di setiap peringkat ini, Imam al-Syafie mempunyai ramai murid yang meriwayatkan dan memindahkan fiqh dan ijtihad beliau, sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan karya.

Ringkasnya, ulama telah membahagi peringkat perkembangan mazhab Syafie kepada beberapa fasa. Terdapat banyak pendapat di kalangan pengkaji mazhab Syafie dalam menentukan fasa-fasa ini. Al-Habib Hassan al-Kaf (2003) telah meringkaskan pembahagian tersebut di dalam kitab *al-Taqrirat al-Sadidah* kepada lima fasa berikut:

1. **Al-Ta'sis (التأسيس) / Peletakan batu asas:** Fasa ini bermula sekitar kurun kedua Hijrah. Peringkat ini dikenali sebagai peringkat tertegaknya mazhab dan berakhir dengan kewafatan Imam al-Syafie pada 29 Rejab 204 Hijrah bersamaan 820 Masihi.
2. **Al-Naql (النقل) / Periwatan mazhab:** Fasa ini bermula sekitar kurun ketiga hingga keempat Hijrah. Peringkat ini merupakan peringkat penyalinan dan pemindahan ilmu. Ia dihidupkan oleh *ruwwat* (perawi) mazhab dari kalangan murid dan *Ashab Imam al-Syafie* yang mengambil ilmu dari beliau ketika beliau di Mekah, Baghdad dan Mesir.
3. **Tadwin Furu' al-Mazhab wa al-Tawassu' fi Masailih (تدوين فروع المذهب والتوسّع في مسائله) / Penulisan furuk mazhab dan perincian masalah:** Fasa ini bermula sekitar kurun kelima

Hijrah. Peringkat ini menghimpun dan meluaskan lagi isu-isu yang masih menjadi perbincangan di dalam mazhab. Di peringkat ini terdapat dua *tariq* (jalan) atau madrasah terkenal iaitu *Tariq al-'Iraqiyyin* (طريق العراقيين) dan *Tariq al-Khurasaniyyin* (طريق الخراسانيين).

4. **Al-Tahrir (التحرير) / Suntingan mazhab:** Fasa ini bermula pada akhir kurun keenam Hijrah. Peringkat ini dikenali sebagai peringkat pengemaskinian mazhab melalui semakan, saringan dan suntingan. Usaha-usaha ini dipelopori oleh Imam Abu al-Qasim Abdul Karim bin Muhammad al-Rafie (w. 623H) dan Imam Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi (w. 676H).
5. **Al-Istiqrar (الاستقرار) / Kestabilan mazhab:** Fasa ini bermula pada akhir kurun kesembilan Hijrah. Peringkat ini dikenali sebagai peringkat pengukuhan dan kestabilan mazhab. Peringkat ini dipelopori oleh Imam Syihabuddin Ahmad bin Muhammad Ibn Hajar al-Haitami (w. 974H) dan Imam Shamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Ramli (w. 1004H).

Sementara itu, Dr. Akram al-Qawasimiy (2003) telah mencadangkan pembahagian fasa perkembangan mazhab Syafie kepada enam tempoh yang mengambil masa lebih seribu dua ratus tahun. Tujuan beliau untuk memudahkan pengkajian sejarah mazhab ulama al-Syafi'iyah serta meninjau karya-karya utama mazhab di dalam bidang fiqh dan usul fiqh. Pembahagian fasa tersebut adalah seperti berikut:

1. **Tempoh pertama: Kemunculan fiqh Imam al-Syafie dan periwayatannya (195 Hijrah hingga kewafatan al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi pada tahun 270 Hijrah).** Tempoh ini mengandungi tiga fasa: kemunculan mazhab Qadim (195-199H), kemunculan mazhab Jadid (199-204H), pemindahan mazhab Jadid oleh murid-murid Imam al-Syafie di Mesir bermula tahun 204 Hirah hingga kewafatan perawi mazhab Imam al-Syafie yang terakhir di Mesir al-Rabi' al-Muradi pada tahun 270 Hijrah.
2. **Tempoh kedua: Kemunculan mazhab al-Syafi'iyah, perkembangan dan pengukuhanannya (270 Hijrah hingga kewafatan Imam al-Ghazali pada tahun 505 Hijrah).** Tempoh ini mengandungi dua fasa: kemunculan mazhab al-Syafi'iyah secara asing dan tersendiri dan penyebarannya ke dunia Islam (270H-404H) dan kestabilan dan keteguhan mazhab al-Syafi'iyah ke serata pelusuk dunia Islam (404H-505H).
3. **Tempoh ketiga: Tanqih pertama bagi mazhab al-Syafi'iyah (505 Hijrah hingga kewafatan Imam al-Nawawi pada tahun 676 Hijrah).** Tempoh ini mencatatkan kesungguhan usaha dan sumbangan yang hebat yang dilakukan oleh Imam al-Rafie dan Imam al-Nawawi dalam pengemaskinian dan penyusunan semula (*al-tahrir wa al-tanqih*) mazhab al-Syafi'iyah.
4. **Tempoh keempat: Tanqih kedua bagi mazhab al-Syafi'iyah (676 Hijrah hingga kewafatan Imam Shamsuddin al-Ramli pada tahun 1004 Hijrah).** Tempoh ini mengandungi dua fasa. Fasa pertama: usaha-usaha yang dibuat oleh Imam Ibn Hajar dan Imam al-Ramli ke atas usaha-usaha ulama Syafi'iyah terdahulu seperti al-Subki, Ibn al-Rif'ah dan al-Isnawi, sehingga kewafatan Syeikh al-Islam Zakariyya al-Ansari pada tahun 926 Hijrah. Fasa kedua: Tanqih kedua ke atas pendapat mereka berdua yang disandarkan kepada mazhab Syafie berdasarkan Tanqih pertama, sehingga kewafatan Imam al-Ramli.
5. **Tempoh kelima: Khidmat karya-karya Tanqih pertama dan kedua kepada mazhab (1004 Hijrah hingga kewafatan al-'Allamah Sayyid 'Alawi bin Ahmad al-Saqqaf al-Makki pada tahun 1335 Hijrah).**
6. **Tempoh keenam: Kemunduran atau kelemahan bermazhab dengan mazhab al-Syafie dan perkembangan kajian-kajian fiqh moden (1335H sehingga kini).**

Kedudukan dan Peringkat Ulama Mazhab Syafie

Para ulama telah menyusun kedudukan dan tingkatan para ulama berdasarkan kemampuan dan kelayakan mereka dalam melakukan ijtihad dan memahami nas-nas syarak. Dari sini dapat ditentukan siapa yang layak untuk beristinbat secara langsung dari nas-nas syarak (al-Quran dan hadis) dan siapa yang hanya mampu untuk beristinbat dari pendapat-pendapat ulama yang lebih tinggi kedudukannya. Selain itu, dapat juga ditentukan siapa yang layak untuk ditaklid ijtihad-ijtihad mereka dan siapa yang tidak layak. Penulis menyenaraikan tingkatan-tingkatan tersebut seperti berikut mengikut turutan kedudukan paling tinggi dan seterusnya (Nu'man Jaghim, 2011; Balfaqih, 2017):

1. ***Al-Mujtahid al-Mustaqil/al-Mujtahid al-Mutlaq***: Faqih yang mampu mengeluarkan hukum-hakam syarak secara langsung dari *nusus syari'yyah* (dalil-dalil syarak dari al-Quran dan sunnah), tidak bertaklid, dan tidak terikat dengan mana-mana mazhab, iaitu Imam al-Syafie RA sendiri.
2. ***Al-Mujtahid al-Muntasib/al-Mutlaq al-Muntasib***: Seorang mujtahid yang mencapai tahap *mujtahid mutlaq*, mempunyai kemampuan mengeluarkan hukum secara langsung daripada nas-nas syarak, namun tidak mampu mengasaskan metodologinya sendiri dalam pengeluaran hukum seperti *mujtahid mustaqil*. Pengeluaran hukumnya adalah berpandukan kepada metodologi yang telah diasaskan oleh imam mazhab. Ijtihad-ijtihad yang dikeluarkannya boleh jadi sama atau berbeza dengan imamnya. Sekiranya pandangan tersebut sama seperti pandangan imamnya, dia tidaklah dikatakan mengikut imam tersebut, akan tetapi adalah suatu kesepakatan pandangan. Mereka yang mencapai tahap ini seumpama Ishak Ibn Rahawaih (w. 238 H), Abu Thur (w. 240 H), Muhammad bin Nasr al-Marwazi (w. 294 H), Ibn Jarir al-Tabari (w. 310 H), Ibn Khuzaimah (w. 311 H) dan Ibn al-Munzir (w. 318 H).
3. ***Mujtahid al-Mazhab/Ashab al-Wujuh***: Mereka tidak mencapai darjat *mujtahid mustaqil* dan *mujtahid muntasib*. Tetapi mereka mempunyai kemampuan menentukan hukum terhadap kes-kes yang tidak dibincang oleh imamnya dengan mentakhrij (menqiyaskan) daripada nas-nas (pendapat) imamnya serta terikat dengan kaedah-kaedah mazhab. Mereka tidak boleh mengistinbat secara langsung dari al-Quran dan sunnah. Di antara mereka ialah al-Humaidi (w. 219 H), al-Buwaiti (w. 231 H), Harmalah (w. 243), al-Rabi' bin Sulaiman al-Jizi (w. 256H), al-Muzani (w. 264H), al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi (270 H), al-Qaffal al-Marwazi (w. 417H) dan Abu Hamid al-Isfirayini (w. 406H). Menurut Balfaqih (2017), al-Muzani merupakan *mujtahid mutlaq muntasib*.
4. ***Mujtahid al-Fatwa/Mujtahid al-Tarjih***: Mereka yang tidak mencapai tahap *mujtahid al-mazhab*. Namun mereka menguasai mazhab imamnya, mengetahui dalil-dalil serta *ta'lilat* imam dan *Ashab al-wujuh*, mampu merungkai permasalahan-permasalahan, menetapkan, mentarjihkan, dan menjelaskan di antara yang kuat dan lemah, lalu pendapat yang ditarjihkan itu menjadi muktamad dalam mazhab. Ini bagi memudahkan bagi para *muqallid* mengetahui perkara yang sepatutnya diambil bagi berfatwa. Mereka ini seumpama Imam al-Rafie dan Imam al-Nawawi.
5. ***Nuzzar*** (para penilai) pada mentarjihkan pendapat-pendapat yang diikhtilafkan oleh Imam al-Rafie dan al-Nawawi, dan tidak boleh mengeluarkan pendapat sendiri, seperti al-Isnawi (w. 772H).
6. ***Hamalat al-fiqh*** iaitu mereka yang faham fiqh Syafie seperti Syaikh al-Islam Zakaria al-Ansari (w. 926H), Ibn Hajar al-Haitami (w. 974H) dan Shamsuddin al-Ramli (w. 1004H). Tingkatan mereka berbeza-beza, yang teratas ialah mereka yang boleh sampai ke darjat mereka yang berada di tingkatan kelima.

Terminologi/Mustalahat Dalam Mazhab Shafie

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) terminologi bermaksud kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang (ilmu). Perkataan *mustalah* atau *istilah* di dalam bahasa Arab

didefinisikan sebagai apa yang dipersetujui oleh kelompok atau kumpulan tertentu dalam meletakkan sesuatu lafaz kepada makna tertentu tentang sesuatu perkara yang khusus di antara mereka (al-Jurjani, 2004).

Setiap mazhab fiqh mempunyai terminologi-terminologi yang tertentu dalam memberi gambaran yang khusus terhadap sesuatu perkataan atau lafaz yang digunakan dalam perbahasan hukum. Bagi fuqaha al-Syafi'iyah, terdapat pelbagai istilah yang dapat dilihat dalam karya-karya turath *mutaqaddimin* atau *mutaakhkhirin* yang mewakili makna-makna khusus. Istilah-istilah ini sama ada berbentuk lafaz atau rumuz (huruf-huruf singkatan membentuk kod khusus) menunjuk kepada sesuatu makna tertentu. Istilah-istilah tersebut sama ada mewakili nama bagi tokoh mazhab, judul kitab atau terma hukum dan ikhtilaf pendapat fuqaha. Penguasaan dan kemahiran memahami *mustalahat* membantu para penuntut ilmu, pengkaji mazhab dan ahli fatwa dan undang-undang memahami maksud sebenar (*al-murad*) yang hendak disampaikan oleh pengarang. Selain itu, penguasaan terhadap kefahaman istilah ini membantu setiap para pengkaji untuk memahami setiap perbahasan yang diutarakan oleh para fuqaha tentang sesuatu permasalahan dengan tepat.

Di sini penulis tidak menukilkan semua istilah yang terdapat di dalam kitab-kitab mazhab Syafie. Penulis hanya akan menyebutkan beberapa istilah yang popular dan sering dijumpai di dalam karya-karya mazhab terutama yang diguna pakai oleh Imam al-Nawawi di dalam kitab *Minhaj al-Talibin*, syarah-syarah dan hasyiah-hasyiahnya. Antara istilah yang penting yang sering terdapat dalam karya-karya turath mazhab Syafie ialah seperti huraian di bawah (al-Nawawi, 2017&1992; al-Kurdi, 2015; Balfaiah, 2017; al-Hafnawi, 2017; al-Dib, 2007; al-Zuhaily, 2007):

1. *Mustalahat* Mewakili Tokoh Fuqaha Mazhab.

Ijtihad atau pendapat fuqaha mazhab boleh diketahui dengan memahami penggunaan istilah yang disandarkan kepada tokoh tertentu. Tokoh-tokoh fuqaha mazhab Syafie dapat dikenali dengan gelaran-gelaran yang tertentu seperti yang terdapat di dalam karya-karya mazhab. Penisbahan gelaran ini ada kalanya berbeza antara seorang tokoh dengan tokoh yang lain. Antara contoh gelaran tersebut ialah:

- i. *Al-Imam* (الإمام): Imam al-Haramain 'Abd al-Malik bin 'Abdullah bin Yusuf al-Juwaini (w. 478). Jika Imam al-Haramain sendiri menyebut "al-Imam" maksudnya ialah syekh dan ayahandanya Abu Muhammad al-Juwaini (w. 438H).
- ii. *Al-Qadhi* (القاضي): Al-Qadhi Hussain Abu Ali Muhammad bin Ahmad al-Marwaruzi (w. 467H).
- iii. *Al-Qadhiyan* (القاضيان): 'Ali bin Muhammad al-Mawardi (w. 450H) dan 'Abd al-Wahid bin Isma'il al-Ruyani (w. 501H).
- iv. *Al-Syaikh* (الشيخان): Abu al-Qasim al-Rafie dan Abu Zakariyya al-Nawawi.
- v. *Al-Syuyukh* (الشيوخ): Al-Rafie, al-Nawawi dan Taqi al-Din 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki (w. 756H).
- vi. *Al-Syarikh* (الشارح) atau *al-Syarikh al-Muhaqqiq* (المحقق الشارح): Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli (w. 864H).
- vii. *Syaikhuna/al-Syaikh/Syaikh al-Islam* (شيخنا/الشيخ/شيخ الإسلام): Zakariyya bin Muhammad al-Ansari (w. 926H).
- viii. *Al-Rabi'* (الربيع): al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi (w. 270H).
- ix. *Al-Qaffal* (القفال): Abu Bakr Abdullah bin Ahmad dikenali dengan al-Qaffal al-Saghir al-Marwazi (w. 417H), syekh tariqah al-Marawizah atau al-Khurasaniyyin.

- x. **Abu Hamid (أبو حامد)**: Al-Qadhi Abu Hamid Ahmad bin Bisyr al-Marwazi (w. 362H) dan al-Syaikh Abu Hamid al-Isfirayini (w. 406H) syeikh tariqat al-‘Iraqiyyin.
- xi. **Al-Ustaz (الأستاذ)**: Imam al-Haramain merujuk kepada Abu Mansur al-Baghdadi (w. 429H).
- xii. **Al-Ashab (الأصحاب)**: Kebiasaannya dirujuk kepada fuqaha *al-Mutaqaddimin* atau *Ashab al-Awjuh/al-Wujuh* iaitu ulama kurun keempat sebelum Imam al-Nawawi dan al-Rafie (walaupun boleh juga dirujuk kepada mereka yang mengikut jalan Imam al-Syafie dalam berijtihad dan bertaklid kepada beliau).
- xiii. **Al-Mutaakhirun (المتأخرون)**: ulama selepas kurun keempat atau mereka yang datang selepas Imam al-Rafie dan Imam al-Nawawi.

2. **Mustalahat Yang Digunakan Dalam Karya Mazhab.**

Para fuqaha mazhab Syafie telah menetapkan beberapa peraturan dan kaedah untuk mengenal pasti sesuatu pendapat sama ada *rajih*, *marjuh*, *dhaif* dan sebagainya. Peraturan ini diwakili oleh istilah tertentu yang menggambarkan sesuatu pandangan atau pendapat. Antara istilah yang digunakan ialah:

- i. **Al-Aqwal (الأقوال)**: ijtihad atau pendapat yang dikeluarkan oleh Imam al-Syafie R.A.
- ii. **Al-Awjuh (الأوجه)**: pendapat yang diistinbatkan oleh fuqaha al-Syafi‘iyyah berdasarkan kaedah dan usul mazhab dan sebahagiannya melalui ijtihad mereka sendiri. Ijtihad mereka ini tidak boleh dinisbahkan kepada Imam al-Syafie jika bertentangan dengan kaedah usul beliau, hanya boleh dinisbahkan kepada mereka sendiri.
- iii. **Al-Turuq (الطرق)**: perbezaan para perawi mazhab Syafie (*al-ruwwat*) dalam meriwayatkan mazhab. Contohnya: ada di antara mereka mengatakan pada masalah tertentu terdapat dua *qawl/wajh*, tetapi yang lain mengatakan hanya ada satu *qawl/wajh*.
- iv. **Al-Azhar (الأظهر)**: merupakan pendapat yang *rajih* daripada dua pendapat (*qawl*) atau *aqwal* Imam al-Syafie sekiranya ikhtilaf itu kuat kerana masing-masing bersandarkan kepada dalil yang kuat dan jelas. *Qawl* lawannya (*al-muqabil*) yang lemah dan *marjuh* diistilahkan dengan “*wa fi qaulin*” (وفي قول).
- v. **Al-Masyhur (المشهور)**: merupakan pendapat yang *rajih* daripada dua pendapat (*qawl*) atau *aqwal* Imam al-Syafie sekiranya ikhtilaf itu lemah kerana dalil *qawl* lawannya lemah. *Qawl* lawannya yang lemah dan *marjuh* diistilahkan dengan “*wa fi qaulin*” (وفي قول).
- vi. **Al-Asah (الأصح)**: merupakan pendapat yang *rajih* dan *mu‘tamad* dalam mazhab Syafie daripada dua pendapat (*wajh*) atau *awjuh al-Ashab* yang diistinbatkan daripada kata-kata Imam al-Syafie, sekiranya khilaf itu kuat kerana masing-masing mempunyai dalil yang kuat. Pendapat lawannya yang lemah dan *marjuh* diistilahkan dengan “*wa muqabiluhu kaza*” atau “*wa al-thani kaza*” (ومقابلہ کذا / والثاني كذا).
- vii. **Al-Sahih (الصحيح)**: merupakan pendapat yang *rajih* dan *mu‘tamad* dalam mazhab Syafie daripada dua pendapat (*wajh*) atau *awjuh al-Ashab* yang diistinbatkan daripada

kata-kata Imam al-Syafie, sekiranya pendapat lawannya sangat lemah. Pendapat lawannya yang lemah dan *marjuh* diistilahkan dengan “*wa fi wajhin kaza*” (وفي وجهه كذا).

- viii. ***Al-Mazhab* (المذهب)**: ialah pandangan yang rajih ketika wujudnya khilaf di kalangan *al-Ashab* daripada dua *tariq* atau *turuq* ketika meriwayatkan pandangan yang menjadi mazhab.
- ix. ***Al-Nas* (النص)**: merupakan kata-kata yang tercatat (*al-mansus*) di dalam kitab-kitab Imam al-Syafie. Dinamakan *al-nas* kerana ia *marfu'* (diangkat dan disandarkan) kepada Imam al-Syafie. Lawan bagi perkataan ini ialah pendapat yang *dhaif* (وجهه ضعيف) atau *al-qawl al-mukharraj*.
- x. ***Al-Jadid* (الجدید)**: pendapat Imam al-Syafie setelah berada di Mesir, sama ada dalam bentuk penulisan atau fatwa. Antara perawi yang masyhur bagi pendapat ini ialah al-Buwaiti, al-Muzani, al-Rabi' al-Muradi, Harmalah dan lain-lain. Kitab terpenting yang mengumpulkan pendapat ini ialah *al-Umm*, *al-Imla'*, *Mukhtasar al-Buwaiti* dan *Mukhtasar al-Muzani*
- xi. ***Al-Qadim* (القديم)**: pandangan Imam al-Syafie ketika berada di Iraq dan sebelum memasuki Mesir, sama ada dalam bentuk penulisan atau fatwa. Pendapat ini dimuatkan di dalam kitab *al-Hujjah*. Antara perawi yang masyhur bagi pendapat ini ialah Imam Ahmad bin Hanbal, al-Za'farani, al-Karabisi dan Abu Thaur. Kebanyakan pendapat lama ini telah ditarik kembali apabila Imam al-Syafie mengeluarkan pendapat dan fatwa yang baharu. Apabila terdapat percanggahan pandangan antara *qaul qadim* dan *qaul jadid*, yang dikira sebagai muktamad dan difatwakan dalam mazhab ialah *qaul jadid*, melainkan beberapa masalah (kira-kira 20 masalah) difatwakan dengan *qaul qadim*.
- xii. ***Al-Mukhtar/al-Ikhtiyar* (المختار/الاختیار)**: pandangan yang dipilih oleh seseorang ulama dari sudut dalil atau memberi faedah bahawa perkara yang disebut itu adalah berbeza dengan *al-manqul* daripada mazhab. *Al-manqul* ialah *nas* yang dinukil daripada ulama mazhab dan tidak ada kritikan yang dinukil serta tidak ada kritikan daripada ulama-ulama setelahnya, maka ia dijadikan seperti *nas* dan dijadikan *al-qawl al-mu'tamad* dalam mazhab Syafie.

Kaedah Berfatwa Dengan Pendapat Dari Kitab-kitab Mazhab Dan Penentuan *al-Qawl al-Mu'tamad*

Secara umum, kitab-kitab mazhab yang menjadi tumpuan dalam rujukan hukum dan perbahasan fiqh mazhab Syafie ialah *al-Mukhtasar* karya Imam al-Muzani, *al-Muhazzab* dan *al-Tanbih* karya Imam al-Syirazi dan *al-Wasit* dan *al-Wajiz* karya Imam al-Ghazali (al-Hafnawi, 2017). Namun begitu, (seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawi dalam mukadimah kitab *al-Majmu'*) di dalam kitab-kitab mazhab (karangan *Ashab al-wujuh*) terdapat banyak percanggahan dan ikhtilaf yang berlaku di antara *al-Ashab*, dengan itu sukar untuk menentukan pendapat mana yang menjadi pendapat mazhab dan *al-qawl al-mu'tamad* (al-Nawawi, 1995). Oleh itu, di sinilah peranan *al-Syaikh* dalam melakukan *tahrir* dan *tanqih* mazhab untuk mengemaskini, menyemak serta menilai semula, menyaring, menyunting, mengedit dan merombak pendapat dan ijtihad *al-mutaqaddimin* untuk membezakan di antara pendapat-pendapat kuat menurut usul dan kaedah mazhab dan pendapat yang lemah, tersembunyi dan *syaz* atau bersifat individu dari daripada usul dan kaedah mazhab (al-Dib, 2007).

Dalam pengeluaran hukum dan berfatwa, pendapat yang diguna pakai ialah pendapat yang muktamad di dalam mazhab (*al-qawl al-mu'tamad*). Menurut Muhammad bin Umar al-Kaf (2008), *al-qawl al-mu'tamad* di sisi fuqaha al-Syafi'iyah diertikan sebagai pendapat yang ditarjihkan, sama ada ia merupakan ijtihad Imam al-Syafie dari segala *aqwal* beliau, atau pendapat yang terbit daripada kaedah-kaedah dan usul-usul yang sah sandaran kepada mazhab beliau, dan wajib berfatwa serta berhukum dan beramal dengannya bagi mereka yang bertaklid kepada beliau.

Melihat dari perspektif istilah seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, *al-qawl al-mu'tamad* dalam mazhab Syafie ialah pendapat (sama ada *aqwal* Imam al-Syafie atau *awjuh* al-Syafi'iyah) yang diistilahkan dengan lafaz *al-jadid* (melainkan beberapa pengecualian), *al-nas*, *al-masyhur*, *al-azhar*, *al-sahih*, *al-asah* dan *al-mazhab* (Balfaqih, 2017).

Dr. Akram al-Qawasimiy (2003) menyebutkan di dalam bukunya *al-Madkhal Ila Mazhab al-Imam al-Syafie* bahawa *tanqih al-mazhab* ini perlu atas dua alasan berikut:

1. Semenjak dari kewafatan Imam al-Syafie (204H – 604H), penyebaran mazhab Syafie berlaku secara meluas. Sepanjang tempoh ini juga banyak penulisan karya telah dihasilkan oleh para ulama mazhab. Namun, terdapat di dalam karya-karya ini pandangan-pandangan yang tidak secocok dengan usul mazhab, hukum-hakam yang *marjuh*, dan *syaz*. Oleh yang demikian suatu pendekatan membersihkan mazhab daripada elemen-elemen negatif ini perlu dilakukan.
2. Berlakunya taksib mazhab dan taklid semata-mata. Ianya ditambah lagi dengan kurangnya ijtihad daripada para ulama. Ini menjadikan para ulama pada ketika itu lebih menfokuskan kepada usaha melakukan *tanqih* mazhab. Mereka berkhidmat kepada teks-teks ulama mereka seperti mana para ulama mujtahid berinteraksi dengan nas-nas syarak.

Berdasarkan keterangan ini, *tanqih al-mazhab* merupakan suatu usaha yang amat penting. Ini kerana, pada peringkat ini pandangan-pandangan para ulama akan disaring dan dipilih. Bukan sekadar suatu bentuk nukilan ataupun pemilihan pendapat, tetapi ia merupakan peringkat penentuan *al-qawl al-mu'tamad* mazhab. Pandangan yang betul-betul bertepatan dengan nas syarak dan usul mazhab sahaja diangkat sebagai pandangan muktamad mazhab. Usaha seumpama ini sudah pasti sangat penting dan bermanfaat kepada generasi mutakhir untuk tujuan amalan keagamaan yang bersifat peribadi dan fatwa.

Sumbangan besar ini telah dimainkan oleh dua tokoh besar, iaitu Imam al-Rafie dan Imam al-Nawawi. Merekalah yang menghimpunkan nas-nas mazhab serta mentahkiknya hingga ianya dianggap sebagai neraca penentu pandangan-pandangan mazhab (Nu'man Jaghim, 2011). Imam Ibn Hajar al-Haitami (2020) menyatakan:

“Kitab-kitab sebelum al-Syaikhkan tidaklah dipegang, kecuali setelah semakan dilakukan, dan sangkaan kuat menyatakan bahawa ianya adalah pandangan mazhab”

Ulama al-Syafi'iyah telah bersepakat bahawa karya-karya Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafie dikira sebagai rujukan yang sah dalam fiqh mazhab Syafie dan *'umda* (sandaran dan pegangan) dalam pentahkikan mazhab dan muktamad dalam berfatwa dan berhukum. Bagi memahami karya-karya mereka, kitab-kitab syarah terpenting yang perlu dirujuk ialah *Mukhtasar* Syeikh al-Islam Zakariyya al-Ansari, *Mughni al-Muhtaj* oleh Imam al-Khatib al-Syirbini (w. 977H), *Tuhfat al-Muhtaj* oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami dan *Nihayat al-Muhtaj* oleh Imam Shamsuddin al-Ramli.

Jelas di sini bahawa *al-qawl al-mu'tamad* mazhab Syafie yang berkedudukan paling tinggi ialah pentarjihan yang disepakati oleh Imam al-Rafie dan al-Nawawi. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat di antara mereka berdua dalam sesuatu isu, pandangan Imam al-Nawawi yang akan diutamakan. Imam Ibn Hajar menyebutkan (al-Kurdiyy, 2015):

“Para ulama muhaqqiqin sepakat menyatakan bahawa yang difatwakan itu adalah apa yang disepakati al-Rafie dan al-Nawawi. Sekiranya terdapat perselisihan di antara keduanya maka yang diambil ialah pandangan al-Nawawi.”

Panduan ini turut disebutkan oleh murid beliau Imam Ahmad Zainuddin al-Malibari (w. 987H) di dalam kitab beliau *Fath al-Mu'in* (2004):

“Ketahuilah! Pandangan muktamad dalam mazhab bagi tujuan hukum dan fatwa adalah apa yang disepakati oleh al-Shaikh, kemudian apa yang ditetapkan oleh al-Nawawi, dan setelah itu adalah apa yang diputuskan oleh al-Rafie”.

Walaupun begitu, ada kalanya Imam al-Nawawi mempunyai pandangan hukum yang berbeza dalam kes yang sama. Oleh yang demikian, para ulama telah meletakkan satu garis panduan berinteraksi dengan pandangan-pandangan Imam al-Nawawi yang saling bertentangan. Metodologi ini bertujuan untuk mengenal pasti di antara pandangan sebenar yang menjadi pegangan peribadi Imam al-Nawawi dan pandangan mazhab. Kaedah ini dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar (2020) di dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj*:

“Sesungguhnya kitab ini (Minhaj al-Talibin) didahulukan ke atas sekalian kitab beliau. Namun, ianya bukanlah secara mutlak. Kebiasaannya, mendahulukan apa (kitab) yang dilakukan penelitian terhadapnya seperti al-Tahqiq, kemudian al-Majmu‘, kemudian al-Tanqih. Kemudian kitab yang diringkaskan seperti al-Raudhah, kemudian al-Minhaj dan seumpama fatwa-fatwanya. Kemudian Syarh Muslim, kemudian Tashih al-Tanbih dan Nukat al-Tanbih daripada seawal-awal penulisan beliau. Maka, yang terawal itulah yang diakhirkan (akhir dalam rujukan dan fatwa).

Dengan ini, para ulama al-Syafi‘iyyah *mutaakhkhirin* telah menyimpulkan dan menetapkan susunan tertib karya-karya Imam al-Nawawi sekiranya berlaku perbezaan pendapat ialah *al-Tahqiq, al-Majmu‘, al-Tanqih, al-Raudhah, al-Minhaj*, fatwa-fatwa beliau, *Syarh Muslim, Tashih al-Tanbih* dan *Nukat al-Tanbih* (al-Kurdiyy, 2015; Muhammad Yasin al-Fadani, 2019; Abdul Qadir al-Mandili, 2004; Balfaqih, 2017 & al-Hafnawi, 2017).

Seterusnya, *al-qawl al-mu‘tamad* selepas al-Syaikh ialah pentarjihan yang dilakukan oleh Imam Ibn Hajar dan Imam al-Ramli dalam isu-isu yang belum pernah dibahaskan sebelum mereka. Walau bagaimanapun, jika berlaku percanggahan di antara pendapat mereka berdua, kebanyakan ulama Mesir berpegang kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Imam al-Ramli di dalam kitab-kitab beliau terutama *Nihayah al-Muhtaj*. Ini kerana kitab ini telah dibacakan kepada empat ratus orang ulama, kemudian dikritik dan diperbetulkan kembali. Kitab ini telah sampai kepada had mutawatir dalam kebenaran kandungannya menurut mazhab Syafie. Bagi ulama Hadharamaut, Syam, Kurdi, Dagestan, kebanyakan Yaman dan Hijaz, *al-qawl al-mu‘tamad* ialah pendapat yang diutarakan oleh Imam Ibn Hajar melalui kitab-kitab beliau khususnya *Tuhfah al-Muhtaj*. Hal ini kerana kitab *Tuhfah al-Muhtaj* memuatkan secara menyeluruh nas-nas Imam al-Haramain al-Juwaini beserta dengan pengkajian dan penelitian pengarang, selain ramai ulama *muhaqqiqin* telah membacanya (al-Kurdiyy, 2015; al-Hafnawi, 2017).

Jika berlaku isu yang tidak disentuh oleh mana-mana karangan Imam Ibn Hajar dan Imam al-Ramli, *al-qawl al-mu‘tamad* di sisi kebanyakan ulama *mutaakhkhirin* ialah mengikut susunan berikut:

- i. apa yang telah dipilih (*ikhtiyar*) oleh Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari melalui kitabnya *Syarh al-Bahjah al-Saghir* kemudian kitabnya *Manhaj al-Tullab* dan syarahnya,
- ii. apa yang dipilih oleh al-Khatib al-Syirbini,
- iii. apa yang dipilih oleh *Ashab al-Hawasyi* (tokoh-tokoh hasyiah). Kebiasaannya *ashab al-Hawasyi* bersetuju dengan pendapat al-Ramli. Tertib susunan hasyiah-hasyiah tersebut mengikut sesetengah ulama ialah *Hasyiah ‘Ali al-Ziyadi, Hasyiah Ibn Qasim al-‘Ubadi, Hasyiah ‘Umairah ‘ala Syarah al-Mahalli, Hasyiah ‘Ali al-Syabramilsi, Hasyiah ‘Ali al-Halabi, Hasyiah al-Syubari, Hasyiah al-‘Inani* (al-Kurdiyy, 2015; al-Hafnawi, 2017).

Aplikasi Kaedah Berinteraksi Dengan Teks Turath Mazhab Syafie Terhadap Hukum Kenajisan Khinzir dan Cara Basuhannya

Para ulama daripada semua mazhab, selain mazhab Maliki, bersepakat bahawa khinzir telah dihukumkan sebagai najis mughallazah, sama ada ketika hidup atau setelah mati. Kenajisan khinzir ini sama ada pada zat dan juga apa sahaja yang keluar daripada badannya seperti air liur, peluh, susu atau

mana-mana binatang yang lahir daripada persenyawaan khinzir, sekalipun salah satu daripadanya adalah bukan daripada jenis khinzir. Hanya berlaku perbezaan di kalangan mereka pada kaedah membasuh, sama ada wajib diulang ataupun cukup hanya sekali (al-Khatib, 2016; al-Dimasyqi, 2005; al-Jaziri, 2003).

Imam al-Syafie (2001) telah menegaskan pendirian beliau tentang kenajisan khinzir menerusi kitab *al-Umm* serta beliau mendatangkan dalil-dalil daripada hadis yang menerangkan cara basuhan bagi tempat atau sesuatu yang tersentuh dengan khinzir iaitu melalui tujuh kali basuhan air mutlak salah satu daripadanya bercampur tanah. Dalil utama yang menjadi asas bagi hukum kenajisan khinzir serta cara basuhannya adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW di dalam Sahih Muslim yang diriwayatkan oleh Sayyidina Abu Hurairah R.A. iaitu:

(طَهُورٌ إِنَاءٌ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَاهُنَّ بِالتُّرَابِ)

Terjemahan: “*Sucinya bekas salah seorang di antara kamu apabila ia (bekas) dijilat anjing adalah dengan cara membasuhnya sebanyak tujuh kali dan yang pertama (basuhan) dengan tanah*”.

Walaupun teks hadis hanya menyebut tentang kenajisan anjing, namun Imam al-Syafie (2001) telah menghukumkan khinzir sama seperti kenajisan anjing melalui kaedah qiyas. Adapun *illah* atau sebab yang menjadi asas dalam proses qiyas tersebut ialah kerana keadaan khinzir lebih buruk dan jijik daripada anjing serta tidak boleh dimiliki. Selain itu, telah jelas ayat al-Quran yang menghukum najis ke atas daging khinzir (al-Ramli, 1993; al-Syirbini, 1997). Firman Allah SWT di dalam surah al-An‘am 6: 145 yang berbunyi:

﴿قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ﴾

Terjemahan: “*Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging khinzir kerana sesungguhnya ia adalah kotor*”

Pandangan yang dikeluarkan oleh Imam al-Syafie ini telah menjadi pegangan dan disebarkan secara meluas oleh para ulama mazhab Syafie sejak daripada kurun kedua Hijrah sehinggalah sekarang. Perkara ini jelas terbukti apabila kita melihat dan membaca kitab-kitab muktabar yang dikarang oleh ulama al-Syafi‘iyyah termasuklah tokoh ilmuan semasa.

Namun, terdapat kemusykilan yang timbul dalam masyarakat setempat akhir-akhir ini dalam isu cara basuhan najis khinzir. Sesetengah daripada mereka mengatakan bahawa kesan sentuhan khinzir hanya perlu dibasuh dengan sekali basuhan sahaja berdasarkan kenyataan Imam al-Nawawi dalam salah satu kitab beliau. Isu ini berlaku adalah disebabkan kekeliruan mereka dalam memilih dan mengambil pendapat Imam al-Nawawi yang dikatakan berpendirian bahawa sesuatu yang menjadi najis dengan sebab bersentuhan dengan khinzir adalah hanya perlu dibasuh dengan sekali basuhan sahaja sepertimana najis yang lain. Pendapat ini telah dinukilkan oleh beberapa individu daripada kitab Imam al-Nawawi iaitu kitab *al-Majmu‘* lalu pendapat ini telah disebarkan dalam masyarakat awam sehingga berlaku kekeliruan sama ada basuhan yang sebenarnya adalah sekali sahaja atau tujuh kali sebagaimana kebiasaan yang dipelajari dan diamalkan oleh masyarakat setempat. Petikan teks daripada kitab *Majmu‘* yang menyatakan pendapat tersebut adalah seperti yang berikut (al-Nawawi, 1995):

واعلم أن الراجح من حيث الدليل أنه يكفي غسلة واحدة بلا تراب، وبه قال أكثر العلماء الذين قالوا بنجاسة الخنزير. وهذا هو المختار لأن الأصل عدم الوجوب حتى يرد الشرع، لا سيما في هذه المسألة المبنية على التعبد.

Terjemahan: “*Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya yang rajih daripada aspek dalil adalah bahawasanya memadai dengan satu kali basuhan tanpa tanah. Dan kebanyakan ulama yang mengatakan khinzir adalah najis berpendapat dengan pandangan ini. Dan pendapat ini adalah mukhtar (yang terpilih) kerana asal (hukum) adalah tidak wajib sehinggalah datangnya syarak (dalil yang mewajibkan) terutamanya dalam masalah ini yang mana ianya terbina di atas (konsep) ta‘abbudi*”.

Berdasarkan pernyataan teks kitab *al-Majmu‘* di atas, Imam al-Nawawi menegaskan bahawa pendapat yang terpilih dalam isu pembasuhan khinzir adalah basuhan sebanyak satu kali sahaja tanpa perlu disertai air tanah. Beliau berpendapat bahawa pandangan ini adalah berdasarkan dalil hadis berkenaan tujuh kali basuhan hanya menyebut anjing sahaja tanpa disebut khinzir. Oleh itu, dalam pembasuhan najis atau kesan sentuhan khinzir adalah sama seperti basuhan najis-najis yang lain sahaja. Sedangkan pandangan muktamad mazhab Syafie mengkategorikan khinzir sebagai najis berat (*mughallazah*) sama seperti kenajisan anjing. Najis *mughallazah* bermaksud najis yang dihukum berat oleh syarak terutama pada kaifiat menyucikannya iaitu memerlukan tujuh kali basuhan air mutlak salah satunya bercampur tanah (Muhammad Nawawi al-Bantani, 2011).

Menurut Syeikh Salim al-Khatib (2016) terdapat tiga perkara utama yang dapat difahami daripada kata-kata Imam al-Nawawi di atas iaitu:

1. Pensabitan kenajisan khinzir berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-An‘am 6: 145 di atas. Apabila berlaku sentuhan najis dengan bekas memadai dengan sekali basuhan.
2. Masalah ini terbina di atas konsep *ta‘abbudi*, oleh itu tidak boleh diqiyaskan khinzir di atas hukum anjing.
3. Hukum asal ialah tidak wajib pengulangan dalam basuhan sehingga datang dalil syarak secara jelas.

Dalam berinteraksi dengan masalah ini, penulis melihat bahawa isu ini perlu dinilai melalui kefahaman dan manhaj yang benar dan tepat untuk memilih *al-qawl al-mu‘tamad* mazhab. Penulis akan menilai melalui tiga perspektif iaitu tertib tingkatan ulama al-Syafi‘iyyah, pemilihan kitab dan maksud *mustalahat* yang digunakan di dalam teks-teks berkenaan.

1. Tertib susunan tingkatan ulama al-Syafi‘iyyah dan pemilihan kitab.

Seperti yang telah maklum bahawa Imam al-Nawawi merupakan ‘*umdah* dan *muharrir* mazhab Syafie. Meskipun demikian, berdasarkan tertib tingkatan-tingkatan mujtahid yang disenaraikan sebelum ini kedudukan Imam al-Nawawi adalah pada tingkatan keempat ataupun yang terendah daripada jenis-jenis mujtahid. Sebagai seorang *mujtahid al-fatwa* atau *mujtahid al-tarjih* beliau tidak mencapai tahap-tahap mujtahid yang sebelumnya. Beliau menguasai mazhab imamnya, mengetahui dalil-dalil serta *ta‘lilat* imam dan *Ashab al-wujuh*, mampu merungkai permasalahan-permasalahan, menetapkan, mentarjihkan, dan menjelaskan di antara yang kuat dan lemah. Namun, beliau masih terikat dengan kaedah-kaedah mazhab. Beliau tidak berautoriti untuk mengeluarkan hukum secara langsung daripada nas-nas al-Quran dan sunnah dan mengasaskan metodologi tersendiri dalam pengeluaran hukum seperti *mujtahid mustaqil*.

Selain itu, Imam al-Nawawi juga telah mengarang karya-karya beliau dalam tempoh masa yang berbeza-beza. Kesannya, boleh jadi berlaku ikhtilaf dan percanggahan pada menyatakan pendapat yang *rajih* di sisi ulama al-Syafi‘iyyah (Abdul Qadir al-Mandili, 2004). Oleh itu, dalam pengeluaran fatwa, jika berlaku perbezaan nas atau pendapat Imam al-Nawawi yang terdapat dalam karangan-karangan beliau, para ulama memberi penekanan supaya kita melihat kepada kedudukan dan susunan tertib kitab-kitab tersebut untuk penentuan hukum. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, para ulama telah menetapkan susunan tertib karangan-karangan Imam al-Nawawi sekiranya berlaku perbezaan pendapat beliau iaitu *al-Tahqiq*, *al-Majmu‘*, *al-Tanqih*, *al-Raudhah*, *al-Minhaj*, fatwa-fatwa beliau, *Syarah Muslim*, *Tashih al-Tanbih* dan *Nukat al-Tanbih*.

Di sini penulis membawakan nas-nas daripada kitab-kitab Imam al-Nawawi yang menyebut tentang hukum berkaitan kenajisan khinzir dan kaifiat membasuhnya. Tertib susunan kitab adalah berdasarkan tertib susunan kitab-kitab Imam al-Nawawi yang disebutkan di atas.

i. Kitab **al-Tahqiq** (1992):

وَالْحَيَوَانُ طَاهِرٌ إِلَّا كَلْبًا وَخِنْزِيرًا وَفِرْعَ أَحَدَهُمَا... وَمَا نَجَسَ بِمِلَاقَةِ شَيْءٍ مِنْ كَلْبٍ أَوْ خِنْزِيرٍ أَوْ فِرْعٍ لَمْ يَطْهَرِ إِلَّا بِغَسْلِهِ سَبْعًا إِحْدَاهَا بِتُرَابٍ.

Terjemahan: “*Sekalian haiwan itu suci kecuali anjing, khinzir dan furuk salah satu daripada keduanya...Dan apa-apa yang menjadi najis dengan sebab bersentuhan dengan sesuatu daripada anjing atau khinzir atau furuk (binatang yang lahir daripada persenyawaan daripada salah satu daripada keduanya) maka tidak akan suci melainkan dengan basuhan sebanyak tujuh kali salah satunya dengan tanah*”.

ii. Kitab **al-Majmu‘ Syarh al-Muhazzab** (1995):

(الشَّرْحُ) نَقَلَ ابْنُ الْمُنْذِرِ فِي كِتَابِ الْإِجْمَاعِ إجماع العلماء عَلَى نَجَاسَةِ الْخِنْزِيرِ وَهُوَ أَوَّلَى مَا يُحْتَجُّ بِهِ لَوْ ثَبَتَ الْإِجْمَاعُ، وَلَكِنَّ مَذْهَبَ مَالِكٍ طَهَارَةُ الْخِنْزِيرِ مَا دَامَ حَيًّا وَأَمَّا مَا احْتَجَّ بِهِ الْمُصَنِّفُ فَكَذًا احْتَجَّ بِهِ غَيْرُهُ وَلَا دَلَالَةَ فِيهِ وَلَيْسَ لَنَا دَلِيلٌ وَاضِحٌ عَلَى نَجَاسَةِ الْخِنْزِيرِ فِي حَيَاتِهِ.... وَأَعْلَمُ أَنَّ الرَّاجِحَ مِنْ حَيْثُ الدَّلِيلُ أَنَّهُ يَكْفِي غَسْلَةً وَاحِدَةً بِلَا تُرَابٍ، وَبِهِ قَالَ أَكْثَرُ الْعُلَمَاءِ الَّذِينَ قَالُوا بِنَجَاسَةِ الْخِنْزِيرِ، وَهَذَا هُوَ الْمُخْتَارُ.

Terjemahan: “*(Al-Syarh) telah menaqal Ibn Munzir di dalam kitab al-Ijma ‘ akan ijmak ulama atas kenajisan khinzir. Sekiranya ijmak ini, ia (pandangan ini) adalah terlebih utama yang dihujjah dengannya. Tetapi, (di sisi) mazhab Malik itu sucinya khinzir selama ia masih hidup. Adapun apa yang dihujjah dengannya oleh al-musannif (Imam al-Syirazi) dan ulama lainnya tiada dalalah padanya dan tiada bagi kita dalil yang jelas atas kenajisan khinzir pada hidupnya Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya yang rajih daripada aspek dalil adalah bahawasanya memadai dengan satu kali basuhan tanpa tanah. Dan kebanyakan ulama yang mengatakan khinzir adalah najis berpendapat dengan pandangan ini. Dan pendapat ini adalah mukhtar*”.

iii. Kitab **al-Tanqih** (1997):

(وَأَمَّا الْحَيَوَانَاتُ مَا دَامَتْ حَيَّةً فَأَصْلُهَا عَلَى الطَّهَارَةِ إِلَّا الْكَلْبُ وَالْخِنْزِيرُ وَفِرْعُ أَحَدِهِمَا) هُوَ كَمَا قَالَ وَلَا فَرْقَ بَيْنَ الْحَيَوَانِ الْمُؤْذِي وَالْمُسْتَقْدَرِ وَغَيْرِهِ كَالْفَأْرَةِ وَسَامِ أُرْبَصِ وَالْقَرْدِ وَالْجَعْلَانِ وَغَيْرِهَا مِنَ الْمُسْتَقْدَرَاتِ وَالذُّبِّ وَالنَّمْرِ وَالِدَّبِّ وَغَيْرِهَا.

Terjemahan: “*(Adapun haiwan-haiwan itu selama ia masih hidup, maka ia dihukumkan suci kecuali anjing, babi, dan furuk daripada salah satu dari keduanya) - Matan al-Wasit -. Iaitu seperti apa yang telah dikatakan. Tiada perbezaan di antara binatang yang menyakitkan, yang jijik dan yang lainnya, seperti tikus, cicak, monyet dan yang lainnya daripada binatang-binatang yang jijik, serigala, harimau, beruang dan selainnya*”.

iv. Kitab **Raudhah al-Talibin** (2002):

وَأَمَّا الْحَيَوَانَاتُ، فَطَاهِرَةٌ، إِلَّا الْكَلْبُ، وَالْخِنْزِيرُ، وَمَا تَوَلَّدَ مِنْ أَحَدِهِمَا.

Terjemahan: “*Adapun segala binatang itu, maka, suci ia kecuali anjing, khinzir dan yang lahir dari salah satu daripada keduanya*”.

طهارة ما ولغ فيه الكلب أو تنجس بدمه أو بوله أو عرقه أو أو شعره أو غيرها من أجزائه وفضلاته،

أن يغسل سبع مرات إحداهن بتراب وفيما سوى الولوغ وجه شاذ أنه يكفي غسله مرة كسائر النجاسات. والخنزير كالكلب على الجديد.

Terjemahan: “*Sucinya sesuatu yang dijilat padanya oleh anjing atau menjadi najis disebabkan darahnya atau air kencingnya atau peluhnya atau bulunya atau selainnya daripada bahagian tubuhnya dan lebihannya iaitu (dengan) basuhan tujuh kali satu daripadanya dengan tanah. Dan terdapat wajah (pendapat) yang syaz (ganjil) pada sesuatu yang selain daripada jilatan (yang terkena melalui sentuhan selain daripada jilatan) iaitu memadai dengan satu kali basuhan seperti najis-najis yang lain. Khinzir itu adalah seperti anjing (pada hukum kenajisan dan basuhan) diatas pendapat yang jadid (baru)*”.

v. Kitab **Minhaj al-Talibin** (2017):

بَابُ النَّجَاسَةِ هِيَ كُلُّ مُسْكِرٍ مَائِعٍ وَكَلْبٍ وَخِنْزِيرٍ وَفَرَعُهُمَا ... وَمَا نَجَسَ بِمُلَاقَاةِ شَيْءٍ مِنْ كَلْبٍ غُسِلَ سَبْعًا إِحْدَاهُنَّ بِتُرَابٍ، وَالْأُظْهَرُ تَعَيُّنُ التُّرَابِ، وَأَنَّ الْخِنْزِيرَ كَالْكَلْبِ.

Terjemahan: “*Bab Najis. Iaitu (najis) tiap-tiap cairan yang memabukkan, anjing dan khinzir dan furuk daripada keduanya ... Sesuatu yang menjadi najis dengan sebab bersentuhan dengan sesuatu daripada anjing (maka) dibasuh dengan tujuh kali basuhan salah satunya dengan tanah. Dan (pada pendapat) yang terlebih zahir adalah mesti (menggunakan) tanah. Sesungguhnya khinzir adalah sama seperti anjing (pada hukumnya)*”.

vi. Kitab **Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi** (1997):

وَأَمَّا الْخِنْزِيرُ فَحُكْمُهُ حُكْمُ الْكَلْبِ فِي هَذَا كُلِّهِ، هَذَا مَذْهَبُنَا. وَذَهَبَ أَكْثَرُ الْعُلَمَاءِ إِلَى أَنَّ الْخِنْزِيرَ لَا يَفْتَقِرُ إِلَى غَسْلِهِ سَبْعًا، وَهُوَ قَوْلٌ لِلشَّافِعِيِّ وَهُوَ قَوِيٌّ فِي الدَّلِيلِ.

Terjemahan: “*Adapun khinzir itu, maka, hukumnya adalah hukum anjing pada ini (perbincangan) kesemuanya. Inilah mazhab kita. Dan kebanyakan ulama telah berpendapat bahawa (sesuatu yang tersentuh dengan) khinzir itu tidak perlu kepada basuhan sebanyak tujuh kali, dan pendapat ini merupakan satu qawl dari Imam al-Syafie, dan ia adalah pendapat yang kuat dari sudut dalil*”.

vii. Kitab **Tashih al-Tanbih** (2006):

النَّجَاسَةُ الْعَائِطُ الْقِيءِ الْخَمْرُ النَّبِيذُ الْخِنْزِيرُ.

Terjemahan: “*Najis itu ialah tahi, muntah, arak, nabiz, khinzir*”.

Berdasarkan petikan teks-teks Imam al-Nawawi di atas, jelas di sana terdapat percanggahan pendapat beliau dalam isu kenajisan khinzir dan kaedah membasuhnya di antara cukup dengan sekali basuh atau wajib diulang sebanyak tujuh kali basuhan. Kerana itu, pendapat beliau di dalam isu ini tidak boleh diambil secara terus daripada mana-mana kitab beliau semata-mata melainkan setelah diteliti nas-nas beliau di dalam kitab-kitab lain. Di sini kitab *al-Tahqiq* perlu didahulukan dan diutamakan di atas kitab *al-Majmu’*. Tambahan pula, terdapat kaedah lain yang menyatakan mana-mana pendapat yang disepakati oleh kebanyakan karangan Imam al-Nawawi kebiasaannya perlu didahulukan di atas yang telah disepakati oleh karangan-karangan beliau yang sedikit (Abdul Qadir al-Mandili, 2004).

Berikut merupakan beberapa teks daripada kitab-kitab muktabar dalam mazhab Syafie yang menghukumkan khinzir sebagai najis mughallazah dan mewajibkan tujuh kali basuhan bagi menghilangkan najis tersebut:

- i. **Tuhfat al-Muhtaj** oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami (2020):

(و) الأظهر (أن الخنزير ككلب) لما مر أنه أسوأ حالا منه.

Terjemahan: “(Dan) yang terlebih zahir (sesungguhnya khinzir adalah seperti anjing) bagi perkara (hukum) yang telah lalu (dibincangkan) yang bahawasanya khinzir adalah terlebih hina keadaannya daripada anjing”.

- ii. **Nihayah al-Muhtaj** oleh Imam al-Ramli (1993):

(و) الأظهر (أن الخنزير ككلب) لأن الخنزير أسوأ حالا من الكلب، لأن تحريمه منصوص عليه في القرآن

ومتفق عليه، وتحريم الكلب مجتهد فيه ومختلف فيه، ولأنه لا يحل اقتناؤه بحال بخلاف الكلب.

Terjemahan: “(Dan) yang terlebih zahir (sesungguhnya khinzir adalah seperti anjing) kerana khinzir adalah terlebih buruk keadaannya berbanding anjing. Ini kerana keharamannya adalah sesuatu yang telah dinaskan di dalam al-Quran dan telah disepakati. Pengharaman anjing pula adalah perkara yang diijtihadden sahaja dan menjadi perkara yang dikhilafkan. Kerana sesungguhnya tidak halal memeliharanya (khinzir) dengan apa jua keadaan bersalahan dengan anjing”.

- iii. **Mughni al-Muhtaj** oleh Imam Khatib al-Syirbini (1997):

(أن الخنزير ككلب) وكذا ما تولد منهما أو من أحدهما مع حيوان طاهر، لأن الخنزير أسوأ حالا من

الكلب كما مر.

Terjemahan: “(Sesungguhnya khinzir seperti anjing) dan demikian juga apa yang lahir daripada mereka berdua atau salah satu daripada keduanya (yang bersenyawa) dengan haiwan yang suci kerana khinzir adalah terlebih hina keadaannya daripada seperti mana telah lalu (penjelasannya)”.

- iv. **Asna al-Matalib** oleh Imam Zakaria al-Ansari (2001):

(فصل لا يطهر متنجس بكلب وخنزير وفرع كل) أي بواحد منهما (أو بمتنجس بذلك إلا بسبع) من

الغسلات بالماء (إحداهن بالتراب).

Terjemahan: “(Fasal: Tidak suci perkara yang menjadi najis dengan sebab anjing dan khinzir dan furuk setiapnya) iaitu dengan salah satu daripada keduanya (atau dengan perkara yang menjadi najis dengan sebab yang demikian melainkan dengan tujuh kali) daripada basuhan dengan air (salah satu daripadanya dengan tanah)”.

- v. **Hasyiah al-Baijuri ‘ala Ibn Qasim** oleh Imam Ibrahim al-Baijuri (2017):

(ويغسل الإناء من ولوغ الكلب والخنزير سبع مرات) بماء طهور (إحداهن) مصحوبة (بالتراب).

Terjemahan: “(Dan dibasuh bekas daripada jilatan anjing dan khinzir dengan tujuh kali basuhan) dengan air yang suci (salah satu daripadanya) disertai (dengan tanah)”.

- vi. **I‘anah al-Talibin** oleh al-Sayyid al-Bakri (2017):

(قوله بنحو كلب) متعلق بمتنجس ونحو الكلب الخنزير.

Terjemahan: “(Katanya dengan umpama anjing) bertakluk dengan perkara yang menjadi najis. Dan seumpama anjing juga adalah khinzir (iaitu pada hukum kenajisan dan basuhannya)”.

2. Maksud *mustalahat* yang digunakan.

Perkara penting yang perlu difahami ialah maksud perkataan *al-mukhtar* yang disebutkan oleh Imam al-Nawawi di dalam karya-karyanya, secara khususnya di dalam kitab *al-Majmu'* dalam perbincangan masalah kenajisan khinzir ini. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, secara umum *al-ikhtiyar/al-mukhtar* bermaksud sesuatu pendapat yang dipilih oleh seseorang ulama apabila melihat dari perspektif dalil, atau memberi faedah bahawa perkara yang disebut itu adalah berbeza dengan *al-manqul* daripada mazhab (Balfaqih, 2017; al-Kurdiyy, 2015). *Al-manqul* ialah *nas* yang dinukil daripada ulama mazhab dan tidak ada kritikan yang dinukil serta tidak ada kritikan daripada ulama-ulama setelahnya, maka ia dijadikan seperti *nas* dan dijadikan *al-qawl al-mu'tamad* dalam mazhab. Imam al-Nawawi (1992) sendiri telah menyebutkan dalam mukadimah kitab *al-Tahqiq*:

ومتى جاء شيء رَجَحْتَهُ طائفة يسيرة وكان الدليل الصحيح الصريح يؤيده قلت: (المختار كذا) فيكون المختار تصريحاً بأنه الراجح دليلاً، وقالت به طائفة قليلة وأن الأكثر الأشهر في المذهب خلافه.

Terjemahan: “Dan apabila telah datang sesuatu perkara yang telah ditarjihkan oleh sesuatu kelompok yang sedikit, dan adalah dalil yang sahih dan sarih menyokongnya, nescaya aku berkata “*al-mukhtar kaza*”, maka “*al-mukhtar*” itu untuk menerangkan bahawa perkara itu adalah rajih dari sudut dalilnya, dan telah sependapat dengannya kelompok yang sedikit, dan bahawa kelompok yang lebih ramai dan masyhur dalam mazhab berpegang sebaliknya”.

Syeikh Salim al-Khatib (2016) menyimpulkan makna *al-ikhtiyar/al-mukhtar* kepada empat makna berikut:

- i. satu jenis daripada ijtihad, kerana mujtahid itu berbeza pendapat dengan imam mazhab disebabkan adanya dalil yang lebih rajih mengikut pandangan beliau,
- ii. disebutkan pada masalah yang tidak selari dengan mazhab,
- iii. ada kemungkinan ia selari dengan satu pendapat lain di dalam mazhab tetapi tidak masyhur,
- iv. disandarkan kepada dalil.

Berdasarkan kefahaman ini, menurut Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (2004) para ulama telah menetapkan supaya dibezakan di antara pendapat yang dinukilkan oleh Imam al-Nawawi daripada pentarjihan-pentarjihan (*al-tarjih*) dengan pendapat yang beliau pilih (*al-ikhtiyar*) berdasarkan pandangan beliau sendiri. Dengan ini, *ikhtiyar-ikhtiyar* Imam al-Nawawi dianggap pendapat yang lemah (*dhaif*) dari sudut mazhab, kuat dari sudut dalil, melainkan *ikhtiyar-ikhtiyar* beliau dalam kitab *al-Raudhah*. Di dalam kitab *Raudhah al-Talibin*, *al-ikhtiyar* membawa maksud *al-sahih*, *al-rajih* atau *al-mu'tamad* di dalam mazhab, melainkan pada masalah tidak makruh menggunakan air musyammas yang dianggap *dhaif* dalam mazhab Syafie.

Apabila merujuk kepada kenyataan Imam al-Nawawi di dalam *al-Majmu'*, penulis mendapati beliau lebih memfokuskan kepada perbincangan sumber atau dalil kenajisan khinzir dan tatacara penyucian sesuatu yang terkena dengan khinzir. Hal ini bertepatan dengan tabiat kitab *al-Majmu'* sebagai sebuah kitab *fiqh muqaran* (fiqh perbandingan), bukannya kitab mazhab Syafie secara khusus.

Natijahnya, *al-qawl al-mu'tamad* mazhab Syafie dalam isu ini ialah khinzir dikategorikan sebagai najis mughallazah sama seperti hukum anjing, wajib dibasuh apa-apa yang bersentuh dengan mana-mana juzuk daripada khinzir sebanyak tujuh kali basuhan air mutlak di antaranya air bercampur tanah.

Pandangan Imam al-Nawawi yang mengatakan bahawa khinzir bukan dalam kategori najis mughallazah yang perlu diulang basuhannya, bukanlah pegangan muktamad mazhab Syafie dan tidak boleh dinisbahkan kepada mazhab.

Kesimpulan

Mazhab al-Syafie merupakan mazhab gabungan di antara pendapat-pendapat Imam Mazhab dan fuqaha al-Syafi'iyah. Menyedari realiti ini, dalam berinteraksi dengan pandangan serta ijtihad fuqaha mazhab Syafie terutama yang terdapat dalam teks-teks turath mazhab, seseorang individu itu terutama pelajar, pengkaji fiqh perbandingan mazhab, pengamal undang-undang dan ahli fatwa perlu memahamai secara mendalam sejarah perkembangan mazhab, metodologi pengeluaran fatwa mazhab, latar belakang serta tertib susunan tingkatan fuqaha al-Syafi'iyah dan terminologi khusus yang digunakan dan kitab-kitab mazhab yang berautoriti. Tanpa memiliki kemahiran ini, seseorang itu akan tersalah faham perbincangan fuqaha mazhab di dalam karya-karya turath mereka, seterusnya mencetuskan kesilapan dalam berhukum dan berfatwa yang mengelirukan orang awam. Selain itu, tuduhan melulu dan persepsi yang tidak tepat akan mudah dilemparkan kepada para ulama dan mazhab.

Isu pembasuhan najis khinzir ini dapat dijadikan sebagai satu contoh bagi aplikasi kaedah memahami kitab-kitab fiqh turath dalam mazhab Syafie. Kejahilan dalam masyarakat khasnya golongan agama dan juga orang awam terhadap kaedah dalam berinteraksi dengan karya-karya turath ini akan menyebabkan berlakunya kekeliruan dan kekacauan apabila mereka hanya mengambil pendapat dan hukum daripada sesebuah kitab sahaja tanpa mengikut tertib kaedah yang sepatutnya. Kaedah ini perlulah diikuti dan difahami dengan baik kerana karya-karya fiqh turath mazhab Syafie telah melalui perkembangan pesat yang panjang dan kompleks.

Rujukan

- Abdul Halim El-Muhammady. (2012). *Mazhab Shafi'i Wadah Perpaduan Ummah Dan Penyeragaman Amalan Syari'at Di Malaysia*. Selangor: Bairuni Research Sdn. Bhd.
- Abdul Qadir bin Abdul Muttalib al-Mandili. (2004). *Al-Khazain al-Saniyyah Min Masyahir al-Kutub al-Fiqhiyyah Li Aimmatina al-Syafi'iyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Al-Ansari, Abu Yahya Zakaria. (2001). *Asna al-Matalib Syarh Raudh al-Talib*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2011). *Historical Fact and Fiction*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad. (2016). *Hasyiah al-Bajuri 'Ala Syarh al-'Allamah Ibn Qasim al-Ghazzi*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Dib, Abd al-'Azim. (2007). *Muqaddimat Nihayat al-Matlab Fi Dirasat al-Mazhab Li Imam al-Haramain*. Tahkik: Abd al-'Azim al-Dib. Jeddah: Dar al-Mihaj.
- Al-Dimasyqi, Abu Abdullah Muhammad bin Abdul Rahman. (2005). *Rahmat al-Ummah Fi Ikhtilaf al-Aimmah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dimyati, Sayyid Abu Bakr Syata. (2017). *I'anah al-Talibin 'Ala Hal Alfaz Fath al-Mu'in* (Cet. 2). Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Hafnawi, Muhammad Ibrahim. (2017). *Al-Fath al-Mubin Fi Ta'rif Mustalahat al-Fuqaha' Wa al-Usuliyin* (Cet. 6). Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Jaziri, Abdul Rahman. (2003). *Kitab al-Fiqh 'Ala al-Mazahib al-Arba'ah* (Cet. 2). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali. (2004). *Mu'jam al-Ta'rifat*. Tahkik: Muhammad Siddiq al-Minsyawi. Kaherah: Dar al-Fadhlilah.
- Al-Kaf, Hassan bin Ahmad. (2003). *Al-Taqirrat al-Sadidah Fi al-Masail al-Mufidah*. Tarim: Dar al-'Ilm wa al-Da'wah.
- Al-Kaf, Muhammad bin Umar. (2008). *Al-Mu'tamad 'inda al-syafi'iyah dirasah nazariyyah tatbiqiyyah* (Tesis ijazah sarjana tidak diterbitkan). Universiti Islam Beirut, Lubnan.
- Al-Khatib, Salim bin Ahmad. (2016). *Ikhtiyarat al-Imam al-Nawawi*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin.
- Al-Kurdiyy, Muhammad bin Sulaiman. (2015). *Al-Fawaid al-Madaniyyah* (Cet. 3). Giza: Dar al-Faruq.

- Al-Malibari, Ahmad Zainuddin bin Abdul Aziz. (2004). *Fath al-Mu'in Bi Syarh Qurrat al-'Ain Bi Muhimmat al-Din*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. (1992). *Kitab al-Tahqiq*. Tahkik: 'Adil 'Abd al-Maujud & 'Ali Ma'awwadh. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. (1995). *Al-Majmu'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. (1997). *Al-Tanqih Fi Syarh al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. (1997). *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawiyy*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. (2002). *Raudhah al-Talibin*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. (2006). *Tashih al-Tanbih*. Kaherah: Syarikat al-Quds.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. (2017). *Minhaj al-Talibin Wa 'Umdat al-Muftin*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Qawasimiy, Akram Yusuf. (2003). *Al-Madkhal Ila Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Amman: Dar al-Nafais.
- Al-Ramli, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad. (1993). *Nihayat al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syafie, Muhammad bin Idris. (2001). *Al-Umm*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Al-Syarbini, Muhammad bin al-Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zuhaily, Muhammad. (2007). *Al-Mu'tamad Fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Balfaqih, Abdullah bin Hussain. (2017). *Matlab al-Iqaz Fi al-Kalam 'Ala Syai' Min Gharar al-Alfaz*. Kuwait: Dar al-Dhiya'.
- Ibn Hajar, Syihabuddin Ahmad bin Muhammad. (2020). *Tuhfat al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Kuwait: Dar al-Dhiya'.
- Jaghim, Nu'man. (2011). *Madkhal Ila al-Mazhab al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Dewan. (Ed. ke-4). (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Luqman Haji Abdullah, Paizah Hj. Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Umami Farahin Yassin, Mohd Anuar Ramli & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2013). Kedudukan mazhab syafie dalam fatwa-fatwa zakat di malaysia: sorotan fatwa muzakarah jawatankuasa fatwa majlis kebangsaan dari tahun 2000-2010, *Prosiding Seminar Isu-isu Kontemporari Dalam Mazhab Shafi'i* (hal. 139-155). Bandar Seri Begawan, Brunei: Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, Mohd Farhan Md. Ariffin & Syamsul Azizul Marinsah. (2015). Legasi mazhab syafi'i di malaysia: antara kekangan tradisionalisme dan tuntutan liberalisme, *Prosiding 1st International Islamic Heritage Conference* (hal. 526-534). Melaka, Malaysia: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Melaka.
- Muhammad Nawawi bin Umar al-Bantani. (2011). *Kasyifat al-Saja Syarh Safinat al-Naja*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani. (2019). *Al-Fawaid al-Janiyyah* (Cet. 5). Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.